PEJABAT CAWANGAN KOREA SAKSI-SAKSI YEHUWA

Anseong

Korea

SELAMAT DATANG

‘PERGILAH, DAN JADIKANLAH MEREKA PENGIKUTKU’ MATIUS 28:19

Selamat datang ke pejabat cawangan Korea Saksi-Saksi Yehuwa. Kami berharap anda akan menikmati lawatan ini. Bangunan pejabat cawangan kami dipanggil Bethel, yang bermaksud “Rumah Tuhan.”

Apakah Kerja yang Dilakukan di Pejabat Cawangan?

Di sekitar 240 negara dan kawasan, lebih daripada lapan juta Saksi-Saksi Yehuwa menurut perintah Yesus dengan menyebarkan berita baik Kerajaan Tuhan. (Matius 24:14; 28:19, 20) Maka, Badan Pimpinan Saksi-Saksi Yehuwa di Warwick, New York, A.S. memberikan arahan kepada hampir 90 buah pejabat cawangan di seluruh dunia untuk mengaturkan kerja ini.

Pejabat cawangan menyelia kerja penyebaran dan menjaga keperluan Saksi-Saksi Yehuwa di suatu kawasan tertentu. Badan Pimpinan melantik penatua yang berpengalaman untuk bertugas sebagai ahli Jawatankuasa Cawangan. Selaku wakil Badan Pimpinan di kawasan yang ditugaskan itu, ahli Jawatankuasa Cawangan mengikut semua arahan daripada Firman Tuhan dan “hamba yang setia dan bijaksana.”—Matius 24:45-47.

Mengaturkan konvensyen

Memberikan bimbingan Bible kepada sidang

Mengongsi maklumat dengan doktor

Bahagian Perundangan dan Bahagian Maklumat Umum

MENYELIA KERJA

Pejabat cawangan membantu menyelia kegiatan Saksi-Saksi Yehuwa.

Bahagian Kerja Penyebaran mengendalikan hal-hal berkaitan dengan kerja penyebaran dan menyediakan bimbingan rohani untuk sidang-sidang. Selain itu, aturan bagi konvensyen, perhimpunan, dan sekolah teokratik, juga dilakukan. Bahagian ini juga menentukan kawasan penyebaran bagi suatu sidang dan menilai keperluan untuk Dewan Perjumpaan dan Dewan Perhimpunan.

Sekiranya terdapat kecemasan perubatan, pejabat cawangan memberikan sokongan dan bantuan menerusi Bahagian Maklumat Hospital. Bahagian ini membantu Saksi-Saksi Yehuwa mendapat rawatan yang terbaik tanpa darah, serta mewujudkan hubungan baik antara doktor dengan pesakit yang merupakan Saksi.

Bahagian Perundangan dan Bahagian Maklumat Umum bertanggungjawab ‘mempertahankan dan memperoleh hak yang sah di sisi undang-undang untuk menyebarkan berita baik,’ serta menjelaskan kepercayaan dan kegiatan Saksi-Saksi Yehuwa. —Filipi 1:7.

PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN

BANGUNAN-BANGUNAN DALAM KAWASAN CAWANGAN KOREA (PADA TAHUN 2018)

- 621 DEWAN PERJUMPAAN
- 7 DEWAN PERHIMPUNAN

Membina Tempat Ibadat

Pejabat cawangan bertanggungjawab untuk meluluskan dan memantau kerja pembinaan Dewan Perjumpaan dan Dewan Perhimpunan. Dewan-dewan yang sedia ada juga harus diselenggarakan. Bahagian Rekaan dan Pembinaan Tempatan (LDC) menyediakan pelan binaan dan bekerja-sama dengan wakil LDC untuk mengatur jadual projek. Dengan adanya sukarelawan yang membantu dalam kerja pembinaan dan penyelenggaraan, bangunan yang didirikan adalah praktikal, selesa, dan menjimatkan kos.

Menggunakan Wang Sumbangan dengan Cermat

Bahagian LDC memeriksa Dewan Perjumpaan yang sedia ada secara tetap supaya dapat bertahan lama. Masalah berkaitan dengan kerja penyelenggaraan atau keselamatan juga ditangani dengan segera. Bahagian LDC turut memberikan latihan kepada ahli sidang tempatan tentang cara menjalankan kerja penyelenggaraan.

Meninjau semula rekaan Dewan Perjumpaan

Latihan penyelenggaraan

Memeriksa Dewan Perjumpaan

Menterjemahkan dan menerbitkan video bahasa isyarat

Kerja Bahagian Penterjemahan

Mengurus laman web jw.org dalam bahasa tempatan

Menyelenggarakan *JW Library*® dan *Watchtower Library*

Menterjemahkan program dan video dalam Siaran JW

Menyediakan rakaman audio bagi bahan bacaan

Menterjemahkan dan merakam lagu-lagu

PENTERJEMAHAN

Kata-Kata yang Mencapai Hati

Sering kali, kebenaran Bible dapat mencapai hati orang apabila mereka membacanya dalam bahasa ibunda mereka. Maka, apabila terdapat keperluan untuk menterjemah bahan terbitan ke dalam bahasa tertentu, pejabat cawangan akan mencadangkannya kepada Badan Pimpinan.

Di sini, bahan bacaan diterjemahkan ke dalam bahasa Korea, dan rakaman audio juga disediakan. Selain itu, lagu-lagu dan bahan untuk perjumpaan, konvensyen, laman web jw.org®, dan Siaran JW, juga diterjemahkan. Kami juga menterjemahkan dan merakam bahan dalam Bahasa Isyarat Korea serta menyediakan bahan dalam bahasa braille. Semua usaha ini dicurahkan agar dapat memenuhi keperluan orang yang mendahagakan kebenaran.

Kumpulan penterjemah

Sesi rakaman

Menyunting

Penyembahan Pagi

BAHAN BACAAN DAN PENGHANTARAN

Setiap bulan, pesanan bahan bacaan daripada kira-kira 1,300 sidang di Korea diproses. Bahagian Penghantaran juga menyediakan dokumen yang diperlukan untuk mengimport atau mengeksport bahan bacaan Bible.

AJARAN BERDASARKAN BIBLE

Saksi-Saksi Yehuwa sangat mementingkan ajaran daripada Firman Tuhan, Bible. Maka, mereka mempelajarinya secara tetap, sama ada di rumah, di perjumpaan Kristian, dan di perhimpunan yang besar. Mereka mempunyai perasaan yang sama dengan Rasul Paulus yang berkata, “Alangkah hebatnya kekayaan, kebijaksanaan, dan pengetahuan Tuhan! Tiada sesiapa pun yang dapat memahami penghakiman dan jalan-jalan Tuhan! ‘Siapakah yang mengetahui fikiran Yehuwa, atau siapakah yang boleh menjadi penasihat-Nya?’ ”—Roma 11:33, 34.

Gudang kami mempunyai bahan bacaan dalam lebih daripada 40 bahasa

Penghantaran

Menghasilkan bahan braille

Pasukan Video Serantau

Bahagian Pembelian Global

Bahagian Komputer

Menyediakan lukisan atau gambar

MENYOKONG IBU PEJABAT SEDUNIA

Pejabat cawangan Korea juga menyokong kerja Ibu Pejabat Saksi-Saksi Yehuwa.

PERKHIDMATAN LAIN

Pejabat cawangan Korea tidak mungkin dapat beroperasi tanpa sokongan saudara saudari yang membantu dalam pelbagai khidmat. Ada yang bekerja di dapur, ruang makan, dan dobi atau ditugaskan untuk membersih, menjahit, berkebun, dan memandu. Yang lain pula menjaga sistem paip, pemanasan, elektrik, mekanik, dan komputer. Tidak kira apa pun tugasan kami, kami berbesar hati untuk melakukannya kerana kami mengasihi Tuhan Yehuwa dan saudara saudari.

Terima Kasih kerana Melawat Kami!

Kami berharap lawatan ke pejabat cawangan Korea telah memberi anda banyak sukacita. Anda dapat lebih memahami kerja yang dilakukan di sini untuk menyebarkan berita baik Kerajaan Tuhan. Semoga anda didorong untuk terus mengenali Pencipta kita yang pengasih dan mengutamakan Kerajaan Tuhan dalam hidup.—Matius 6:33.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang kerja yang dilakukan di Bethel, lihat pelajaran 21 dan 22 dalam brosur *Siapakah yang Sedang Melakukan Kehendak Yehuwa?*

Inginkah Anda Datang?

Lawatan diadakan pada Isnin hingga Jumaat, 8:00 pagi hingga 11:00 pagi dan 1:00 petang hingga 4:00 petang
Maklumat lanjut terdapat dalam talian di:

JW.ORG > MENGENAI KAMI > PEJABAT & LAWATAN

fo-ML Kr
191218

Pejabat Cawangan Korea Saksi-Saksi Yehuwa
Sindumangok-ro 73, Gongdo-eup, Anseong-si, Gyeonggi-do, 17558 +82 31-690-0033

© 2019 Watch Tower Bible and Tract Society of Pennsylvania
Dicetak di Jepun